

"Ini bukan main-main punya Kerajaan," kata seorang pesara.

"Ministers, key officials to do so All assets to be declared: Musa" dan "Jamal mesti larap harta Isteri, anak-anak Menteri tak dikosualiti", kata kepala di New Straits Times dan Berita Harian hari ini, Ogos 19, 1981; sementara Utusan Melayu dan Utusan Malaysia masing-masing memaparkan pula di muka hadapan kepala yang Iyithar harta Menteri-menteri menyeluruh" dan "Langkah lebih ketat meliputi pegawai-pegawai tinggi, anak Isteri dan anggota keluarga ISYTIHARKAN HARTA TANPA TOLAK ANSUR".

Berita selanjutnya seperti yang tersiar di Utusan Melayu berkata, semua menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri yang terlibat dalam gerakan pengisytiharan harta di bawah Kerajaan baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga dikendalikan mengisytiharkan jumlah harta yang diletakkan di bawah nama isteri dan anak masing-masing.

Gerakan tersebut meliputi Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Menteri, Menteri Besar, EXCO Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai penting Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Mereka juga perlu mengisytiharkan bilangan Isteri terutama yang beragama Islam dan jumlah anak masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menjelaskan ini kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Serantau bagi pendidikan Alam Sekitar di Dewan Besar Universiti Pertanian.

Datuk Musa menegaskan bahawa langkah Perdana Menteri menguatkuasakan peraturan pengisytiharan harta itu ialah supaya golongan berkenaan tidak memiliki harta yang boleh dipertikaikan atau disyaki diperolehi menerusi rasuah.

Menjelaskan tarif harta yang perlu disyitiharkan, Timbalan Perdana Menteri menerangkan semua harta seperti tanah, rumah, saham, kereta malah bilangan Isteri dan anak-anak perlu disyitiharkan.

Langkah mengisytiharkan harta itu juga selaras dengan prinsip Pentadbiran baru Kerajaan iaitu licin, cekap dan bersih.

"Langkah ini ialah di bawah prinsip bersih," terang Datuk Musa.

☆☆☆

Komen Penulis:

Seorang sahabat penulis merangkap pembaca halaman ini, yang telah lama bersara dari perkhidmatan Kerajaan menelefon penulis pagi ini (Ogos 19) sambil berkata, "I say, anda sudah bacakah berita hari ini mengenai pengisytiharan harta oleh para Menteri, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan anak Isteri mereka?"

Sebelum penulis sempat memberi jawapan,

pesara berkenaan menambah, "Kerajaan 'Double-M' ini nampaknya bukan main-main punya Kerajaan. 'It really means business... Dalam beberapa hari sahaja semenjak mengambil alih kuasa, begitu banyak sekali langkah 'berani' yang telah diambil oleh P.M. baru itu, dengan tujuan memperibaki imej Kerajaan dan memastikan bahawa Kerajaan yang diketuainya adalah benar-benar "Kerajaan Adil, Bersih, Bertanggungjawab dan Cekap."

Kata pesara itu lagi, "figuratively speaking", jika dimasa yang lampau saya mengundi satu-satu calon di setiap Pilihanraya dengan sebelah tangan, di Pilihanraya yang akan datang nanti saya akan mengundi dengan dua belah tangan... Saya percaya anda dengan mudah boleh meneka mana satu parti yang saya akan pangkah. Dan sebagai misalan jika di hari pembuangan undi, saya mempunyai empat pasang tangan, seperti setengah-setengah dewa dalam mitologi purba, saya tentu sekali akan mengguna kesemua pasangan itu."

lalu dikritik secara terbuka di akhbar-akhbar kerana bertungkus-mengadukan bankuasi (yakni, makan besar) di restoran yang sama, dengan membayar cuma sebahagian kecil dari kos makanan dan minuman bermutu tinggi yang dihidangkan kepadanya dan rakan-rakan." (Dipetik dari South China Morning Post Ogos 13, 1981 di bawah tajuk "Cook finds new target").

☆☆☆

Komen Penulis:

Begitulah nampaknya tabiat manusia — bukan sahaja di negeri China malah dimana jua. Terlalu ramal orang di sana dan di sini yang tidak berkebolehan, atau lebih tepat lagi tidak mahu, mempelajari dari kesilapan orang lain, atas alasan bahawa mereka itu adalah lebih pintar, lebih bijak dan lebih "special" dari orang lain, dan dengan itu adalah lebih berkebolehan menjaga dan mempertahankan diri dari apa jua risiko dan bahaya!

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia